

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK SERI HAJAH
ZURAINAH BINTI MUSA**

TARIKH : 28 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu ketiadaan kewarganegaraan/sijil lahir untuk kanak-kanak dan bayi yang berada di bawah fasiliti JKM. Perkara ini akan memudarangkan peluang dan ruang untuk mereka bersekolah dan bekerja nanti jika tidak ditangani.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dan sentiasa memastikan kebajikan penghuni institusi JKM termasuklah kanak-kanak yang berhadapan isu dokumentasi diri seperti kewarganegaraan/ sijil lahir.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian melalui JKM untuk menangani isu ini adalah seperti berikut:

- (i) **Menguruskan permohonan Daftar Lewat Kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara** bagi kanak-kanak yang ditinggalkan dan masih belum memperolehi Sijil Kelahiran;
- (ii) **Menguruskan permohonan kewarganegaraan kanak-kanak yang masih belum ditentukan kewarganegaraan dengan memanjangkan permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)** dari semasa ke semasa;
- (iii) Menguruskan permohonan kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang telah diserahkan **kepada keluarga pelihara atau keluarga angkat**, permohonan kewarganegaraan boleh dibuat oleh **penjaga atau penganjur mereka di bawah Perkara 15A Perlombagaan Persekutuan (Pendaftaran Kewarganegaraan Dalam Keadaan Khas)**; dan
- (iv) Mengadakan sesi libat urus dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi membincangkan isu-isu mengenai dokumentasi, kewarganegaraan dan pendidikan kanak-kanak di institusi.

Berdasarkan statistik **sehingga 31 Disember 2021**, JKM memberi penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada **1,726 kanak-kanak di 38 buah institusi kendalian JKM**. Seramai **155 orang kanak-kanak di Institusi Kanak-Kanak JKM masih berhadapan dengan isu dokumentasi diri yang melibatkan 73 orang kanak-kanak perempuan dan 82 orang kanak-kanak lelaki**. Daripada jumlah tersebut:

- (i) 37 orang berstatus “bukan warganegara”;
- (ii) 28 orang kanak-kanak berstatus warganegara “belum ditentukan”; dan
- (iii) 90 orang masih belum memiliki sijil kelahiran.

Untuk makluman, berdasarkan konsep kepentingan terbaik kanak-kanak, pihak institusi JKM akan menguruskan persekolahan setiap kanak-kanak di institusi walaupun menghadapi masalah dokumen kelahiran. Berdasarkan **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan (3) Tahun 2018 bertarikh 15 Januari 2018 – Permohonan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara** yang bertujuan untuk memaklumkan semua Pengarah Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua, dan Guru Besar supaya mengambil tindakan seperti yang telah diputuskan di peringkat KPM; iaitu **penerimaan masuk kanak-kanak bukan warganegara ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan adalah seperti berikut**:

Kanak-Kanak bukan warganegara yang telah diambil oleh warganegara Malaysia sebagai anak angkat perlulah mempunyai dokumen pengenalan seperti berikut:

- a. **Sijil Pengangkatan yang sah dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)** atau;
- b. **Perintah Mahkamah tentang hak penjagaan kanak-kanak** atau;
- c. **Surat Akuan Penjagaan Kanak-Kanak** daripada **Jabatan Kebajikan Masyarakat**.

SOALAN NO. : 60

Berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan oleh KPM ini, semua kanak-kanak semua kanak-kanak di bawah jagaan JKM **boleh menerima pendidikan di sekolah** walaupun dokumen kewarganegaraan masih dalam proses permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Walau bagaimanapun, **semua dokumen pengenalan diri perlu diselesaikan dalam tempoh selama dua (2) tahun** daripada mula kanak-kanak tersebut masuk persekolahan selain perlu membayar fi yang ditetapkan oleh KPM.

Untuk makluman, penetapan status taraf kewarganegaraan/ sijil lahir ini adalah di bawah **bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)** melalui permohonan yang dikemukakan oleh JKM.

Sekian, terima kasih.